

# Empat didakwa terbabit pengubahan wang haram

## Datuk antara dituduh kes pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara

Oleh Norzamira Che Noh  
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Ahli perniagaan bergelar Datuk dan tiga lagi individu didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam atas pertuduhan terbabit dalam pengubahan wang haram jutaan ringgit berkaitan sindiket pengeluaran Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).

Semua tertuduh, Datuk Ab Aziz Abdullah, 44; Muhammad Semail, 43; Mohd Hariza Mohd Yusof, 34, dan Abu Yazid Mohd, 38, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan di hadapan Hakim Rozilah Saleh.

Mengikut kertas pertuduhan, Ab Aziz didakwa atas sembilan pertuduhan, antaranya memiliki empat jam tangan mewah serta lima rumah, termasuk jenis pangsapuri dan kondominium bernilai RM2,683,960, juga hasil daripada aktiviti haram.

Di mahkamah sama, Muhammad, iaitu abang ipar kepada Ab Aziz didakwa atas dua pertuduhan menggunakan wang, termasuk dua keping cek berjumlah ke-



Empat individu termasuk seorang bergelar Datuk didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jutaan ringgit berkaitan Pas Lawatan Kerja Sementara. (Foto Faiz Anuar/BH)

seluruhan RM854,513.90 sebagai bayaran pembelian dua kereta mewah, juga hasil aktiviti sama.

Mohd Hariza pula didakwa enam pertuduhan, termasuk memiliki wang tunai, rumah, jam tangan mewah dan kereta mewah bernilai RM1,023,900.

Tertuduh juga didakwa memiliki pelbagai wang tunai mata wang asing iaitu 1,590 riyal (Arab Saudi); 18,400 baht (Thailand); 1,650 yuan (China) dan 2,045 dolar (Amerika Syarikat) dipercayai hasil aktiviti sama.

Sementara itu, Abu Yazid pula didakwa atas empat pertuduhan iaitu memiliki wang tunai berjumlah RM44,400 serta mata wang asing 7,900 riyal (Arab Saudi) dan dua rumah, dipercayai hasil aktiviti sama.

Semua kesalahan itu dilakukan di Taman Ukay Perdana, Taman Ukay Bistari, Taman Subang Perdana, Sungai Buloh, Jalan Cheras, Wisma Central Jalan Ampang dan Prima Selayang, di antara 3 Februari 2016 hingga 6 April tahun lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 41(b) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA), boleh dihukum di bawah Seksyen 4(1) akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjarakan sehingga 15 tahun, denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan pada masa kesalahan dilakukan atau RM5 juta, yang

mana lebih tinggi.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nik Haslinie Hashim, yang memohon jumlah jaminan mengikut ketetapan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin dan meminimumkan kes ke mahkamah sama.

Peguam Md Yunos Sharif mewakili semua tertuduh juga tidak membantah permohonan itu.

Berdasarkan jaminan dikeluarkan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, kelmarin, Ab Aziz diikat jamin RM400,000; Muhammad dan Mohd Hariza masing-masing RM250,000, manakala Abu Yazid sebanyak RM150,000.

Mahkamah kemudian membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan sebutan semula kes ditetapkan pada 20 April ini.